

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Group Flexible Personal Accident. Sila pastikan anda juga membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am.

**AIA General Berhad**  
**Group Flexible Personal**  
**Accident**

Tarikh: <dd/mm/yyyy>

**1. Apakah produk ini?**

**Group Flexible Personal Accident** adalah satu plan kemalangan berkumpulan yang boleh disesuaikan mengikut permintaan anda untuk perlindungan terhadap kemalangan. Perlindungan produk ini juga boleh diperluaskan untuk merangkumi Penyakit Berjangkit yang tertentu dan Demam Denggi. Anda boleh memilih manfaat dan jumlah yang diinsuranskan dalam anggaran premium anda.

**2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?**

Polisi ini mesti mengandungi salah satu daripada empat manfaat utama yang disenaraikan seperti berikut:

| No. | Manfaat Utama   | Amaun Perlindungan (RM)                            |
|-----|---|--|
| 1   | Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Akibat Kemalangan   | Minimum Jumlah yang Diinsuranskan sebanyak RM1,000 |
| 2   | Manfaat Kematian Akibat Kemalangan  |  |
| 3   | Manfaat Hilang Upaya Akibat Kemalangan  |  |
| 4   | Manfaat Kematian Akibat Kemalangan + Manfaat Hilang Upaya Akibat Kemalangan (untuk jumlah yang diinsuranskan berlainan) |  |

Anda boleh menambah 25 manfaat pilihan seperti berikut:

| No. | Manfaat Pilihan   | Amaun Perlindungan (RM)                        |
|-----|---|--|
| 1   | Indemniti Dua Kali Ganda atas Kematian Akibat Ragut                 | Jumlah yang Diinsuranskan ditentukan oleh anda |
| 2   | Indemniti Dua Kali Ganda atas Kematian dalam Pengangkutan Awam      |  |
| 3   | Indemniti Dua Kali Ganda atas Kematian Akibat Kemalangan Jalan Raya |  |
| 4   | Indemniti Dua Kali Ganda atas Kematian pada Cuti Umum Kebangsaan    |  |
| 5   | Manfaat Kematian di Premis Sekolah Akibat Kemalangan                |  |
| 6   | Perbelanjaan Pengebumian  |  |
| 7   | Elaun Pendidikan  |  |
| 8   | Manfaat Kematian Akibat Penyakit Berjangkit*                        |  |
| 9   | Manfaat Kematian Akibat Demam Denggi                                |  |
| 10  | Manfaat Pembayaran Balik Perubatan Akibat Kemalangan                |  |
| 11  | Manfaat Pembetulan Gigi dan Pembedahan Kosmetik                     |  |
| 12  | Pembayaran Balik untuk Prostesis dan Kerusi Roda                    |  |
| 13  | Manfaat Patah Tulang dan Kelecuran                                  |  |
| 14  | Manfaat Rawatan Alternatif  |  |
| 15  | Pembayaran Balik Perubatan untuk Penyakit Berjangkit*               |  |
| 16  | Pembayaran Balik Perubatan untuk Demam Denggi                       |  |
| 17  | Manfaat Pendapatan Hospital Akibat Kemalangan                       |  |
| 18  | Manfaat Pendapatan Hospital Harian Akibat Penyakit Berjangkit*      |  |
| 19  | Manfaat Pendapatan Hospital Akibat Penyakit Berjangkit*             |  |
| 20  | Manfaat Pendapatan Hospital Harian Akibat Demam Denggi              |  |
| 21  | Manfaat Pendapatan Hospital Akibat Demam Denggi                     |  |
| 22  | Elaun Unit Rawatan Rapi Harian                                      |  |
| 23  | Manfaat Indemniti Mingguan Akibat Kemalangan                        |  |
| 24  | Manfaat Pemulihan Harian  |  |

|    |                    |  |
|----|--------------------|--|
| 25 | Elaun Pengangkutan |  |
|----|--------------------|--|

Tempoh perlindungan polisi adalah sehingga 1 tahun.

Nota:

\* Lima Penyakit Berjangkit yang dilindungi adalah Ensefalitis Jepun, Malaria, Demam Campak, Tuberkulosis dan Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD).

Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat lanjut pada perlindungan yang disediakan.

### 3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Premium yang perlu dibayar adalah berdasarkan sebut harga, termasuk yuran-yuran / caj-caj dan cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

### 4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang saya kena bayar?

| Jenis   | Amaun   |
|---|---|
| Kos Pengedaran yang dibayar kepada ejen insurans / pemimpin agensi/ perantara | 24% daripada premium sebagai komisen dan komisen kelola |
| Cukai Kerajaan Yang Berkenaan   | 6% daripada premium                                     |
| Duti Setem  | RM 10.00 untuk setiap Polisi Asas                       |

### 5. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan** – Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan/Permohonan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan tersebut dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan/Permohonan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

- **Kelayakan** – Umur penyertaan bagi orang diinsuranskan yang merupakan ahli-ahli atau pelanggan-pelanggan pemegang polisi asas, adalah dari umur 30 hari ke 75 tahun.
- **Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?** – Anda perlu melengkapkan borang tuntutan yang boleh didapati daripada mana-mana cawangan kami atau dengan menelefon AIA Care Line di 1 300 88 1899. Senarai cawangan kami boleh didapati di [www.aia.com.my](http://www.aia.com.my). Anda mesti memberikan kami notis tuntutan bertulis mengenai sebarang kecederaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan anda. Jika berlaku kematian akibat kemalangan, notis segera mestilah diberikan kepada kami. Bukti tuntutan mestilah diberikan kepada kami dalam tempoh 90 hari selepas tarikh kemalangan. Bagi tuntutan berkaitan dengan kecederaan, bukti tuntutan termasuklah laporan perubatan, laporan polis dan bil perubatan/rawatan yang berkaitan dengan tuntutan itu. Bagi tuntutan kematian akibat kemalangan, bukti tuntutan termasuklah sijil hospital, dokumen mengenai rawatan atau pemeriksaan perubatan, laporan polis, laporan bedah siasat dan sijil kematian atau keratan akhbar. Bukti identiti orang yang membuat tuntutan itu juga mesti dikemukakan.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.

### 6. Apakah pengecualian penting di dalam polisi ini?

- Keadaan sedia ada;
- Jangkitan bakteria, virus atau kulat (kecuali Demam Denggi dan Penyakit Berjangkit yang dilindungi dalam manfaat pilihan tertentu dalam Polisi ini);

- Sebarang jenis penyakit (kecuali Demam Denggi dan Penyakit Berjangkit yang dilindungi dalam manfaat pilihan tertentu dalam Polisi ini) termasuk AIDS;
- Rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali rawatan yang diperlukan untuk kecederaan akibat kemalangan, Demam Denggi dan Penyakit Berjangkit yang dilindungi di bawah pelan ini);
- Rawatan Pergigian (kecuali rawatan yang diperlukan untuk kecederaan akibat kemalangan untuk pengekstrakan gigi semula jadi yang sihat);
- Sebarang jenis pembedahan kosmetik;
- Bunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan;
- Kelahiran anak, kehamilan atau keguguran;
- Sukan profesional;
- Sebarang anomali kongenital dan kondisi yang berpunca daripada atau akibat daripadanya;
- Gangguan mental atau saraf; penggunaan sebarang jenis dadah/narkotik;
- Sebarang jenis perlumbaan.

**Manfaat No. 8-9, 15-16, 18-21:**

- Keadaan sedia ada;
- Manfaat akan bermula selepas empat belas (14) hari dari tarikh mula berkuatkuasa Tempoh Insurans.

*Nota: Senarai pengecualian ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.*

## **7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Apabila polisi anda dibatalkan, anda layak menerima pembayaran balik premium berdasarkan Jadual Kadar Jangka Pendek Yang Lazim (untuk polisi dengan Tempoh Insurans satu tahun) atau pembayaran balik premium secara prorata untuk tempoh insurans yang belum tamat (untuk polisi dengan Tempoh Insurans kurang daripada satu tahun). Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

## **8. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan/peribadi saya bertukar?**

Adalah penting bagi anda memberitahu kami mengenai sebarang pertukaran kepada maklumat hubungan.

## **9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* mengenai "Insurans Kemalangan Diri" yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AIA General Berhad (201001040438 (924363-W))

Menara AIA,

99 Jalan Ampang,

50450 Kuala Lumpur.

Tel: 1 300 88 1899

Faks: 03-2056 2591

Emel: [my.customer@aia.com](mailto:my.customer@aia.com)

## **10. Perlindungan jenis lain yang serupa sedia ada**

Sila hubungi kami untuk perlindungan jenis lain yang sama kami tawarkan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN SUPAYA MEMBERI PERHATIAN KEPADA JADUAL TANGGUNG RUGI BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTILAH MENAMAKAN PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA TAHU MENGENAI POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN MENGHUBUNGI EJEN/ PERANTARA ANDA ATAU AIA GENERAL BERHAD SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI MENGANDUNGI RINGKASAN PRODUK DAN BUKANLAH SATU KONTRAK INSURANS. KONTRAK POLISI AKAN SENTIASA DITERIMA PAKAI.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah setakat <dd/mm/yyyy>.